

Transformasi Bulatan Seratus dijangka siap Mac 2018

KLANG - Pusat pemborong gergasi Asia Tenggara, GM Klang berkolaborasi bersama Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi mengindahkan kawasan di sekitar Bulatan Seratus.

Pengarah Urusan Gamuda GM Klang Sdn Bhd, Datuk Lim Seng Kok berkata, kawasan Bulatan Seratus akan menjadi kawasan angkat bagi GM Klang untuk diindahkan menerusi suntikan modal permulaan sebanyak RM300,000.

"Projek Bulatan Seratus ini merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi pusat pemborong GM Klang sebenarnya telah bermula sejak beberapa bulan yang lepas.

"Sepanjang tempoh tersebut kami berjaya mencapai persetujuan

termasuk dari segi aspek-aspek keselamatan khususnya...terima kasih kepada pihak MPK dan juga Jabatan Kerja Raya yang turut memberi khidmat nasihat untuk projek ini," katanya di Majlis Pecah Tanah Bulatan Seratus, semalam.

Hadir sama, Yang DiPertua MPK, Datuk Mohamad Yasin Bidin yang merasmikan majlis pecah tanah berkenaan.

Seng Kok turut menjelaskan proses pembinaan bagi mentransformasikan Bulatan Seratus akan bermula secepat mungkin dan dijangka siap sekitar Mac 2018.

"Sejurus majlis pecah tanah, kita akan terus memulakan proses pembinaan dan transformasi Bulatan Seratus ini dijangka siap sepenuhnya penghujung Mac 2018," katanya.